

Terima kasih kakitangan Usim bantu rawatan

SAYA ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) kerana banyak membantu saya.

Pada Januari lalu, saya mengalami kecederaan serius iaitu patah pergela-

ngan tangan kiri ketika bermain bola jaring dalam pertandingan bola jaring antara fakulti. Sukan itu dianjurkan Pusat Sukan, Usim.

Oleh kerana kecederaan itu sangat serius, kos perbelanjaan bagi pembedahan pergelangan tangan kiri saya adalah tinggi.

Saya mendapat bantuan kewangan bagi meringankan beban saya untuk menjalani dua kali pembedahan.

MARYAM MD ZIN

*Fakulti Syariah
dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam
Malaysia*